

DIMENSI KOOP

ISSN - 1823 - 1586 / BIL. 64 - [1/2020] / RM8.50

ASPIRASI KOPERASI

Negara
Keusahawanan
unggul

2030





“ Koperasi dan usahawan perlu kekal seiring dan tidak ketinggalan jauh dengan perkembangan teknologi kini agar terus berkembang dan memberikan impak kepada ekonomi setiap anggota dan masyarakat seluruhnya. ”

Dari Meja Ketua Editor

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), kini dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah mengorak langkah dengan menyediakan perancangan ke arah mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negara. Ini merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan yang terancang dan bersepada. Justeru, koperasi perlu memupuk budaya keusahawanan khususnya dalam kalangan anggota kerana ia merupakan suatu langkah yang berterusan, bukan hanya tertakluk kepada aktiviti perniagaan semata-mata tetapi kemajuan ekonomi dan masyarakat setempat juga turut diperlakukan. Selain itu, keusahawanan sosial juga menjadi salah satu bidang keusahawanan yang ditekankan dalam Dasar Keusahawanan Nasional (DKN2030) oleh pihak kementerian. Ini selaras dengan hasrat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mapan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan saksama pada semua peringkat kumpulan pendapatan. Justeru, menerusi keluaran Dimensi koop 64/1/2020 kali ini, Institut Koperasi Malaysia (IKM) memaparkan artikel mengenai **Aspirasi Koperasi: Malaysia Negara Keusahawanan Unggul Menjelang 2030** dan **Koperasi Pemacu Keusahawanan Sosial Negara** untuk memberi pendedahan dan perkongsian kepada pembaca.

Koperasi dan usahawan perlu kekal seiring dan tidak ketinggalan jauh dengan perkembangan teknologi kini agar terus berkembang dan memberikan impak kepada ekonomi setiap anggota dan masyarakat seluruhnya. Cabaran IR4.0 bukan hanya kepada kepekaan kita terhadap perkembangan teknologi, tetapi persediaan untuk menangani kesan penggunaan teknologi dan peluang yang disediakan. Antara artikel - artikel yang dikupas untuk keluaran ini adalah **Industrial Revolution 4.0 (IR4.0): Apa yang Patut Anda Ketahui?, Smart Retail 4.0-Expenditure Market Outreach “Peruncitan Pintar - Jangkauan Pasaran Masa”** dan **Membeli Belah Secara Dalam Talian: 6 Tip Mengelak Diri Anda Daripada Menjadi Mangsa Penipuan Scammer**. Selain itu, berdasarkan potensi dan perkembangan ekonomi semasa, maka adalah wajar bagi koperasi mencari dan menceburi dan meneroka bidang keusahawanan yang baharu seperti penternakan, pertanian dan pelancongan. Sehubungan itu, menerusi artikel keluaran ini pembaca khususnya para koperator dapat mengetahui mengenai **Menjana Pendapatan Koperasi Dan Anggota: Ternakan Arnab Pedaging, Peluang Meningkatkan Hasil Pertanian Melalui Sistem Fertigasi, Pelancongan Koperasi Sekolah (PKS) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Gudang Johor Berhad**. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf sosioekonomi anggota koperasi. Selain itu, potensi dan prestasi Koperasi Orang Asli juga turut diberi penekanan khususnya dalam **Memperkasakan Peranan Agensi Dalam Pembangunan Koperasi Orang Asli**. Pelbagai pihak perlu memainkan peranan dan penubuhan koperasi juga perlu diperluaskan di kawasan petempatan Orang Asli agar dapat memberi sumbangan kepada peningkatan taraf hidup sosioekonomi Orang Asli.

Mohd Zaib Mat Yunus

SIDANG REDAKSI DIMENSI KOOP



PENAUNG/PENASIHAT

En. Mohd Roslan Bani Amin
Ketua Pengarah

KETUA EDITOR

En. Mohd Zaib Mat Yunus

TIMBALAN KETUA EDITOR

Pn. Azmaliza Arifin

SIDANG EDITOR

Pn. Salwana Ali
En. Faiz Ahmad Yatim
Pn. Noor Shafeeza Zainuddin
Pn. Norhayati Abd.Rahman
Pn. Nor Aslamiah Ali



En. Mohd Faisal Shariff

En. Asha'ari Arshad

Pn. Ayu Diana Awang

Pn. Nor Arma Abu Talib

Pn. Nor Alyani Abd Razak

En. Hasrin Abu Hassan

PEGAWAI PENERBITAN

Cik Zaharatul Laili Zakaria

